

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, March 25, 2019 11:31 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kembali Kepada Fitrah – Kupasan Oleh Ustazah Zakiah Ahmad



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

25 MAC 2019 / 18 REJAB 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Persatuan Setiausaha UUM

KEMBALI KEPADA FITRAH – KUPASAN OLEH USTAZAH ZAKIAH AHMAD



UUM ONLINE: "Untuk kembali kepada fitrah, seseorang hamba seharusnya patuh dan ikhlas mengabdikan diri kepada Allah SWT dalam keseluruhan kegiatan kehidupan dengan cara melaksanakan semua suruhan-suruhannya dan menjauhi segala larangan-laranganNya," ujar Ustazah Zakiah Ahmad, guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam dalam ceramah yang diadakan di Auditorium 1, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia (UUM) baru-baru ini.

Bertepatan dengan tema ceramah iaitu "Kembali Kepada Fitrah," Ustazah Zakiah telah mengupas dengan terperinci mengenai bagaimana umat Islam seharusnya kembali kepada akidah yang betul dan benar dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Allah SWT.

Menurut beliau perkara itu amat penting untuk mencapai kejayaan bukan sahaja di dunia malah di akhirat dan yang paling utama memperolehi rahmat dan pengampunan dari Allah SWT.

Ceramah anjuran Biro Agama, Persatuan Setiausaha (SETIA) UUM itu dihadiri kira-kira 90 staf UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.